

16/07/1998

Cuepacs perjelas amanat PM

Shamshul Azree Samshir

KUALA LUMPUR, Rabu - Cuepacs akan membentangkan agenda khas dalam kongresnya bulan depan bagi menyokong saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kakitangan awam jangan terlalu mengutamakan pendapatan tinggi hingga jawatan penting dikuasai rakyat asing.

Setiausaha Agungnya, N Siva Subramaniam, berkata peringatan Perdana Menteri itu akan disampaikan kepada semua ahli Cuepacs dalam kongres itu.

Mesyuarat kongres majlis Cuepacs akan diadakan di ibu pejabat Cuepacs di sini, pada 2 Ogos depan.

"Cuepacs mahu amanat Dr Mahathir itu difahami ahli di mana dalam keadaan sekarang, kesejahteraan negara perlu diutamakan daripada soal ganjaran dan gaji," katanya hari ini.

Beliau mengulas saranan Dr Mahathir semalam supaya kakitangan awam jangan terlalu mengutamakan gaji sehingga membiarkan perkhidmatan penting seperti doktor dikuasai tenaga asing.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan memang sedar skim gaji perkhidmatan kakitangan awam seperti profesion perubatan tidak setinggi seperti mereka yang berkhidmat di sektor swasta.

Siva berkata, langkah menyokong amanat Dr Mahathir itu bukan bermakna Cuepacs mengabaikan kepentingan ahli terutama dari aspek ganjaran.

"Cuepacs melihat amanat Perdana Menteri itu dari pandangan dan fikiran positif. Ini bermakna ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi, pengorbanan dan keikhlasan dalam melaksanakan tugas amat diperlukan untuk membangunkan semula negara ini," katanya.

Beliau berkata, Cuepacs tidak gusar dengan gesaan menaikkan gaji sektor awam kerana berdasarkan pengalaman dan rekod, kerajaan tidak pernah mengetepikan tuntutan.

"Cuepacs yakin isu tuntutan gaji dan sebagainya dapat diselesaikan sebaik saja negara pulih daripada masalah ekonominya," katanya.

(END)